



NEGERI MELAKA

# Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*GOVERNMENT OF MALACCA GAZETTE*

*PUBLISHED BY AUTHORITY*

---

---

Jil. 47  
No. 11

**1hb Jun 2003**

*TAMBAHAN*  
*No. 1*

---

---

AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976  
(Akta 171)

LOCAL GOVERNMENT ACT 1976  
(Act 171)

**No. 183.**

PEMBERITAHUAN-PEMBERITAHUAN DI BAWAH SUBSEKSYEN 4(2)

NOTIFICATIONS UNDER SUBSECTION 4(2)

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 4(2) Akta Kerajaan Tempatan 1976 [*Akta 171*], Pihak Berkuasa Negeri, dengan berunding dengan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan Majlis Perbandaran Melaka Bandaraya Bersejarah, dengan ini memberi taraf Bandaraya kepada Majlis Perbandaran Melaka Bandaraya Bersejarah dan hendaklah digelar “Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah” mulai 15 April 2003.

In exercise of the powers conferred by subsection 4(2) of the Local Government Act 1976 [*Act 171*], the State Authority, in consultation with the Minister of Housing and Local Government and the Melaka Municipal Council Historic City, hereby confer the status of a City to the Melaka Municipal Council Historic City and shall be styled “the Melaka Historic City Council” with effect from 15 April 2003.

Bertarikh 24 Mei 2003.

Dated 24 May 2003.

[MPMBB/PPU:00277; PUN(M) 353/46/56]

MAEMUN BIN HAJI MD. SABRI,  
Setiausaha/Clerk,  
Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri/State Executive Council,  
Melaka/Malacca

**No. 184.**

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 4(2) Akta Kerajaan Tempatan 1976 [*Akta 171*], Pihak Berkuasa Negeri, dengan berunding dengan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan Majlis Daerah Alor Gajah, dengan ini memberi taraf Perbandaran kepada Majlis Daerah Alor Gajah dan hendaklah digelar “Majlis Perbandaran Alor Gajah” mulai 1 Mei 2003.

In exercise of the powers conferred by subsection 4(2) of the Local Government Act 1976 [*Act 171*], the State Authority, in consultation with the Minister of Housing and Local Government and the Alor Gajah District Council, hereby confer the status of a Municipality to the Alor Gajah District Council and shall be styled “the Alor Gajah Municipal Council” with effect from 1 May 2003.

Bertarikh 24 Mei 2003.

Dated 24 May 2003.

[MDAG 515/6/1; PUN(M) 353/46/57]

MAEMUN BIN HAJI MD. SABRI,  
Setiausaha/Clerk,  
Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri/State Executive Council,  
Melaka/Malacca

ORDINAN KUMPULAN WANG PERUSAHAAN GETAH  
(PENANAMAN SEMULA) 1952  
(Bilangan 8 Tahun 1952)

RUBBER INDUSTRY (REPLANTING) FUND ORDINANCE 1952  
(No. 8 of 1952)

**No. 185.**

PERATURAN-PERATURAN PIHAK BERKUASA KEMAJUAN  
PEKEBUN KECIL (SKIM No. 6) 1981

RUBBER INDUSTRY SMALLHOLDERS DEVELOPMENT AUTHORITY  
(SCHEME No. 6) REGULATIONS 1981

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 8 Peraturan-Peraturan Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil (Skim No. 6) 1981, notis diberikan bahawa Daftar Permohonan-permohonan untuk Bantuan-bantuan Tanam Semula Kebun-kebun Kecil Getah bagi tahun 2004 dibuka mulai pada 1 Januari 2003 dan ditutup pada 31 Disember 2004.

2. Permohonan hendaklah dibuat dengan menggunakan borang yang ditetapkan yang boleh didapati daripada pejabat-pejabat yang berikut:

- (a) Pejabat RISDA Negeri Melaka;
- (b) Pejabat RISDA Daerah Jasin, Alor Gajah dan Melaka Tengah; dan
- (c) Pejabat Kakitangan Luar Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA).

3. Apa-apa permohonan yang dibuat dengan tidak mengikut cara dan bentuk yang ditetapkan atau yang tidak diterima dalam tempoh yang dinyatakan di atas atau yang tidak dibuat berkenaan dengan sesuatu kebun kecil yang didaftarkan di bawah perenggan 7 Skim ini akan dianggap sebagai permohonan-permohonan yang tidak boleh diterima.

Bertarikh 27 Mei 2003.

[M.O./1991.00 Klt. 2; PUN(M) 223/6 Klt.11] HAJI AB. HAMID BIN ABU,  
Pengarah RISDA Negeri,  
Melaka

In exercise of the powers conferred by paragraph 8 of the Rubber Industry Smallholders Development Authority (Scheme No. 6) Regulations 1981, notice is given that The Register of Applications for Grants for the Replanting of Rubber Smallholdings for the year 2004 shall be opened on 1 January 2003 and shall be closed on 31 December 2004.

2. Application shall be made by using the prescribed forms obtainable from any of the following offices:

- (a) State RISDA Office, Malacca;
- (b) RISDA District Office at Jasin, Alor Gajah and Melaka Tengah; and
- (c) Field Staff of the Rubber Industry Smallholders Development Authority (RISDA) office.

3. Any application which is not made in the manner or form prescribed or is not received within the period prescribed above or is not made in respect of a smallholding registered under paragraph 7 of the Scheme will be considered as an inadmissible application.

Dated 27 May 2003.

[M.O./1991.00 Klt. 2; PUN(M) 223/6 Klt.11] HAJI AB. HAMID BIN ABU,  
State RISDA Director,  
Malacca

Hakcipta Pencetak (H)

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).



DICETAK OLEH  
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,  
CAWANGAN KUALA LUMPUR  
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA